

02/08/1999

Emkay unjur perolehan RM90.7j melalui 2 projek

Jalal Ali Abdul Rahim

KUMPULAN Emkay yang terbabit dalam pembangunan hartanah mengunjurkan perolehan RM90.7 juta apabila projek Taman Bercham Raya dan Taman UK Raya di Ipoh siap sepenuhnya pada Oktober tahun depan.

Projek berkenaan yang dilaksanakan di bawah program khas perumahan kos rendah akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Emkay, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar, berkata bagi kedua-dua projek itu, 1,112 rumah teres kos rendah didirikan untuk memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah memilikinya pada harga berpatutan.

Menurutnya, projek perumahan itu juga termasuk pembinaan rumah teres kos sederhana, lot kedai, pangsapuri dan lot komersil yang menjadikan jumlah unit keseluruhannya bagi kedua-dua projek itu sebanyak 1,422 unit.

Katanya, projek perumahan Taman Bercham Raya dilakukan dalam tiga fasa iaitu fasa pertama pembinaan 830 unit rumah dan bangunan komersil dengan pulangan RM36 juta, manakala fasa kedua membabitkan pembinaan 207 unit sama pada pulangan RM10.3 juta.

Beliau berkata, bagi kedua-dua projek itu, unit rumah kos rendah yang dibina ialah masing-masing sebanyak 746 unit dengan perolehan RM27.2 juta dan 180 unit.

Katanya, rumah teres kos rendah yang mengikut standard baru itu dijual pada harga RM33,000, manakala unit kediaman lain dan lot perniagaan dijual bawah RM100,000.

"Bagi projek Fasa I Taman Bercham Raya saja kita telah berjaya menjual semua 746 rumah teres kos rendah dalam tempoh dua minggu pelancarannya dengan 70 peratus unit dibeli Bumiputera termasuk 30 peratus oleh kakitangan kerajaan melalui Ceupacs.

"Selain lapan lot kedai yang sudah terjual, kita juga membina enam kedai jiran iaitu rumah yang diubahsuai bahagian dalamnya untuk dijadikan kedai melalui fasa itu untuk dijual kepada Bumiputera saja," katanya di Ipoh, semalam.

Mustapha Kamal berkata, pihaknya berbangga kerana Kerajaan Perak memberi sokongan padu kepada pelaksanaan pembinaan segera rumah kos rendah dengan hanya mengambil masa 19 hari untuk memberi kelulusan untuk memulakan kerja pembinaan Fasa 1 Taman Bercham Raya yang kini 15 peratus pembinaannya.

Menurutnya, kelulusan masa yang singkat memberi peluang syarikatnya membina rumah kos rendah tiga bilik pada harga rendah kerana tidak dibebankan dengan kadar faedah berbanding yang mengambil masa lebih lama.

Beliau berharap Kerajaan Perak terus mengekalkan sokongan dari segi masa kelulusan, sekali gus membolehkan pihaknya menyiapkan semua projeknya menjelang Oktober tahun depan.

Beliau berkata, sokongan itu mewujudkan keadaan menang-menang yang mana pemaju yakin membina rumah jenis itu lebih banyak dengan masih mendapat keuntungan dan rakyat dapat memiliki rumah sendiri pada harga berpatutan.

"Implikasi projek ini juga memberi kesan kepada ekonomi negeri apabila ia menyediakan peluang projek kepada 16 kontraktor utama, 64 kontraktor kecil dan mewujudkan 4,300 peluang pekerjaan di pelbagai peringkat," katanya.

Mustapha Kamal berkata, konsep perkongsian pintar atau Malaysia Inc dalam penyediaan rumah kos rendah perlu diperluaskan dalam usaha memenuhi hasrat kerajaan membina lebih banyak rumah mampu milik.

Menurutnya, melalui projek itu, Emkay mahu membuktikan rumah kos rendah boleh terus dibina tanpa mengetepikan kualiti, prosedur dan proses jika mendapat sokongan padu daripada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sehubungan itu katanya, konsep yang memberi manfaat kepada semua pihak terutama golongan berpendapatan rendah itu perlu diperluaskan ke seluruh negara.

(END)